

4 Langkah menghitung Cukai Pendapatan



Matematik Pengguna:
Percukaian

Matematik KSSM Tingkatan 5



cikguyasir



Cikgu Yasir



Cikgu Yasir



LANGKAH 1

Hitung Pendapatan Bercukai

$$= \begin{pmatrix} \text{Pendapatan} \\ \text{Tahunan} \end{pmatrix} - \begin{pmatrix} \text{Pengecualian} \\ \text{Cukai} \end{pmatrix} - \begin{pmatrix} \text{Pelepasan} \\ \text{Cukai} \end{pmatrix}$$

(a) **(b)** **(c)**

LANGKAH 1



Hitung Pendapatan Bercukai

(b) Pengecualian Cukai



Hadiah, derma, sumbangan kepada kerajaan atau pelbagai organisasi.

Cth perpustakaan negeri,
badan rawatan kesihatan)

LANGKAH 1



Hitung Pendapatan Bercukai

(c) Pelepasan Cukai



Jenis pelepasan cukai bergantung kepada dasar yang ditetapkan oleh kerajaan dan boleh berubah setiap tahun.

4 Langkah
menghitung
Cukai Pendapatan

LANGKAH 2

Hitung Cukai Pendapatan (Jadual Kadar Cukai)

Jadual: Kadar Cukai Pendapatan Individu untuk Tahun Taksiran 2020

Banjaran Pendapatan Bercukai (RM)	Pengiraan (RM)	Kadar (%)	Cukai (RM)
0 - 5 000	5 000 pertama	0	0
5 001 - 20 000	5 000 pertama 15 000 berikutnya	1	0 150
20 001 - 35 000	20 000 pertama 15 000 berikutnya	3	150 450
35 001 - 50 000	35 000 pertama 15 000 berikutnya	8	600 1 200
50 001 - 70 000	50 000 pertama 20 000 berikutnya	14	1 800 2 800
70 001 - 100 000	70 000 pertama 30 000 berikutnya	21	4 600 6 300
100 001 - 250 000	100 000 pertama 150 000 berikutnya	24	10 900 36 000
250 001 - 400 000	250 000 pertama 150 000 berikutnya	24.5	46 900 36 750
400 001 - 600 000	400 000 pertama 200 000 berikutnya	25	83 650 50 000
600 001 - 1 000 000	600 000 pertama 400 000 berikutnya	26	133 650 104 000
1 000 001 - 2 000 000	1 000 000 pertama 1 000 000 berikutnya	28	237 650 280 000
Melebihi 2 000 000	2 000 000 pertama Setiap ringgit berikutnya	30	517 650 ...

* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

(Sumber: Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)

LANGKAH 3

Tolak Rebate Cukai



**Rebat cukai
RM400***

jika pendapatan
bercukai tidak
melebihi RM35 000

*tertakluk kepada
perubahan semasa.



Zakat





LANGKAH 4

Cukai Pendapatan yang perlu dibayar

EXAMPLE

Encik Chan mempunyai jumlah pendapatan tahunan sebanyak RM52 770 pada tahun 2020. Beliau telah mendermakan RM300 kepada sebuah badan kebajikan yang diluluskan oleh kerajaan. Jadual di bawah menunjukkan pelepasan cukai yang dituntutnya.

<u>Pelepasan cukai</u>	Amaun (RM)
Individu	9 000
Insurans hayat dan KWSP (had RM7 000)	5 800
Insurans perubatan (had RM3 000)	1 700
Yuran pengajian sendiri (had RM7 000)	4 000

Hitung cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Chan bagi tahun tersebut dengan mengambil kira rebat cukai sekiranya layak.

Penyelesaian:

Pendapatan bercukai

$$\begin{aligned} &= \text{jumlah pendapatan} - \text{pengecualian cukai} - \text{pelepasan cukai} \\ &= \text{RM52 770} - \text{RM300} - (\text{RM9 000} + \text{RM5 800} + \text{RM1 700} \\ &\quad + \text{RM4 000}) \\ &= \text{RM31 970} \end{aligned}$$

Pendapatan bercukai Encik Chan, RM31 970 terletak pada banjaran pendapatan bercukai seperti di bawah.

Banjaran Pendapatan Bercukai (RM)	Pengiraan (RM)	Kadar (%)	Cukai (RM)
20 001 - 35 000	20 000 pertama 15 000 berikutnya	3	150 450

Cukai bagi RM20 000 pertama = RM150

$$\begin{aligned} \text{Cukai atas baki berikutnya} &= (\text{RM31 970} - \text{RM20 000}) \times 3\% \\ &= \text{RM359.10} \end{aligned}$$

Rebat yang layak = RM400

Rebat RM400 kerana pendapatan bercukai \leq RM35 000

$$\begin{aligned} \text{Cukai pendapatan yang perlu dibayar} &= \text{RM150} + \text{RM359.10} - \text{RM400} \\ &= \text{RM109.10} \end{aligned}$$